



**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PERAKUAN BETUL PRUF
AKHIR TEKS AL-QUR'AN
AKTA PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN
1986 (PINDAAN) 2023
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

LEMBAGA PENGAWALAN DAN PELESENAN PENCETAKAN AL-QUR'AN

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
PERAKUAN BETUL PRUF AKHIR TEKS AL-QUR'AN
AKTA PENCETAKAN TEKS AL-QUR'AN 1986 (PINDAAN) 2023
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

1. TUJUAN.

Dokumen ini disediakan adalah sebagai panduan bagi penerbitan Al-Qur'an untuk tujuan permohonan perakuan betul pruf akhir teks Al-Qur'an selaras Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 (Pindaan) 2023 yang telah berkuatkuasa pada 1 September 2023. Berdasarkan Peruntukan di bawah seksyen 6 (1) Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 (Pindaan) 2023, yang membawa maksud seseorang yang ingin mencetak/menerbit teks Al-Qur'an hendaklah memohon Perakuan Betul Pruf Akhir dengan mengemukakan pruf akhir teks Al-Qur'an atau salinan asal teks Al-Qur'an kepada Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an (LPPPQ), Kementerian Dalam Negeri. Garis panduan ini merupakan rujukan kepada pihak-pihak seperti berikut:

- 1.1 Penerbit, pencetak, penjilid dan pengimport serta pihak-pihak (syarikat/persatuan/individu) yang terlibat dengan penerbitan, pencetakan, penjualan, pengedaran dan pemilikan serta pengimportan; dan
- 1.2 Agensi-agensi penguatkuasaan di peringkat Persekutuan dan Negeri yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang berdasarkan Akta Pencetakan Teks Al-Qur'an 1986 (Pindaan) 2023.

2. TAFSIRAN.

2.1 TEKS AL-QUR'AN

"sesuatu dokumen yang mengandungi teks bahasa Arab yang lengkap bagi Al-Qur'an atau mana-mana bahagiannya, sama ada dalam tulisan Bahasa Arab atau Braille, yang mengandungi satu *juzu'* atau lebih sama ada dengan terjemahan atau tafsiran atau tidak, mengikut mana-mana yang berkenaan". (APTQ 1986)

2.2 BAHAN AL-QUR'AN

"sesuatu dokumen yang mengandungi mana-mana Ayat Al-Qur'an, sama ada dalam tulisan Bahasa Arab atau Braille, selain daripada suatu "teks Al-Qur'an" sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen ini". (APTQ 1986)

Ini termasuk juga teks Al-Qur'an atau dokumen yang kurang daripada satu juzu' seperti Iqra', Muqaddam, Surah Yasin, bahan-bahan pembelajaran serta surah-surah terkumpul, *frame* dan sebagainya

2.3 PRUF AKHIR

Sesuatu dokumen yang mengandungi teks atau bahan Al-Qur'an yang lengkap dan hendak dicetak termasuk kulit muka depan dan belakang naskah (*mockup*). Dokumen cetakan tersebut merupakan teks atau bahan Al-Qur'an percubaan (*dummy*) yang perlu dibandingkan dengan manuskrip asal.

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN.

- a. Pemohon beragama Islam.
- b. Syarikat/perbadanan/firma dimiliki oleh orang Islam sepenuhnya.
- c. Pemohon mestilah pemilik Syarikat Berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia / Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- d. Mempunyai dua (2) orang Panel Perunding Al-Qur'an dan hendaklah:
 - i. Memiliki kelulusan Tahfiz Al-Qur'an & Qiraat yang diiktiraf sekurang-kurangnya di peringkat Diploma atau setaraf dengannya.
 - ii. Bukan terdiri dari kalangan ahli Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Qur'an / Lajnah Taskeh Al-Qur'an, KDN.
 - iii. Memiliki Sijil Profesionalisme Panel Perunding Al-Qur'an KDN.
- e. Permohonan baharu tidak akan diterima sekiranya:
 - i. Syarikat masih belum menyelesaikan pembetulan bagi permohonan terdahulu yang mendapat keputusan Lulus Dengan Pembetulan.
 - ii. Syarikat mempunyai Perakuan Betul Pruf Akhir Teks Al-Qur'an yang masih belum dicetak tanpa dimaklumkan kepada KDN.
 - iii. Syarikat masih tidak menghantar (satu) 1 salinan teks Al-Qur'an (naskah contoh) untuk simpanan Lembaga.

- iv. Tempoh penggantungan permohonan baharu bagi syarikat yang mendapat keputusan diTOLAK/GAGAL adalah selama 6 bulan dari tarikh keputusan Lembaga.

4. SYARAT-SYARAT PRUF AKHIR DAN SALINAN ASAL TEKS AL-QUR'AN.

Kaedah Penulisan

- a. Pruf Akhir / salinan asal teks Al-Qur'an hendaklah menggunakan Al-Qur'an Rasm Uthmani dan mengikut kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga.
- b. Penulisan teks Al-Qur'an adalah berdasarkan Al-Qur'an cetakan Mujamma' Malik Fahd, Madinah Al-Munawwarah yang terkini.
- c. Penulisan nombor pada ayat dan muka surat dalam mushaf Al-Qur'an hendaklah ditulis dengan tulisan Arab kecuali bagi naskhah terjemahan dan tafsir.
- d. Menulis ayat Al-Qur'an dengan tulisan rumi (*Romanise*) atau tulisan selain Rasm Uthmani dan kaedah penulisan yang ditentukan oleh Lembaga adalah tidak dibenarkan.
- e. Penulisan teks Al-Qur'an berwarna hendaklah mematuhi Garis Panduan Al-Qur'an Tajwid Berwarna, KDN dan Garis Panduan Penandaam Waqaf dan Ibtida' Berwarna Teks Al-Qur'an KDN.
- f. Tidak dibenarkan penggunaan sebarang *watermark* atau latar belakang pada halaman ayat Al-Qur'an.
- g. Surah *Al-Fatiyah* hendaklah dicetak (mukasurat 1) di halaman sebelah kanan mushaf kecuali bagi naskhah terjemahan dan tafsir.

Terjemahan dan Tafsir

- a. Terjemahan dan Tafsir Al-Qur'an hendaklah mendapat kelulusan dari JAKIM mengikut tajuk mushaf dalam permohonan terlebih dahulu.
- b. Terjemahan Al-Qur'an hendaklah berpandukan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman edisi terkini keluaran JAKIM.
- c. Terjemahan tanpa teks Al-Qur'an tidak dibenarkan.
- d. Terjemahan perkata (terjemahan setiap patah perkataan) adalah dibenarkan dengan syarat, disertakan dengan terjemahan penuh.

Kulit Muka Depan Naskah (mockup)

- a. Setiap nama mushaf Al-Qur'an hendaklah diletakkan tajuk "**Al-Qur'an Al-Karim**". Nama mushaf boleh diletakkan kemudiannya dengan syarat tulisan yang lebih kecil daripada tajuk "**Al-Qur'an Al-Karim**"
Contoh : **AL-QUR'AN AL-KARIM (AL-MUZAKKIR)**
- b. Tajuk "**Terjemahan/Tafsir Al-Qur'an**" perlu diletakkan pada mushaf Terjemahan/Tafsir Al-Qur'an.

Himpunan Surah-surah yang mengandungi satu juzu' atau lebih

- a. Penerbitan pelbagai surah sama ada dalam bentuk teks penuh atau tidak yang mengandungi satu juzu' atau lebih hendaklah berpandukan kepada Al-Qur'an cetakan Mujamma' Malik Fahd, Madinah Al-Munawwarah yang terkini.
- b. Satu juzu' adalah dikira berpandukan kepada 15 baris ayat bagi setiap muka surat dengan jumlah 20 halaman.

Syarat Tambahan

- a. Sebarang penambahan seperti prakata, pendahuluan, penghargaan, panduan, doa dan lain-lain hendaklah diletakkan di akhir mushaf.
- b. Setiap naskhah hendaklah diletakkan riwayat bacaan di bahagian depan sebelum surah Al-Fatiha, di bahagian bawah muka surat.
- c. Saiz mushaf Al-Qur'an hendaklah tidak kurang dari 6cm x 9cm.

5. PROSEDUR PERMOHONAN PERAKUAN BETUL PRUF AKHIR TEKS AL-QUR'AN.

- a. Membuat Permohonan secara atas talian dalam Sistem Pengurusan Teks Al-Qur'an (UPQ) melalui laman sesawang KDN: <https://epq.kdn.gov.my/upq/>.

Memuat naik (*upload*) maklumat seperti berikut:

- b. Salinan kad pengenalan pemohon.
- c. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia / Suruhanjaya Koperasi Malaysia / Perniagaan Terkini - Borang 9, 24 & 49 atau Borang B & D
- d. Salinan surat kebenaran mencetak/menerbit/mengimport daripada penerbit dan pemilik asal dengan terjemahan Bahasa Melayu (jika Pruf Akhir bukan milik pemohon).

- e. Salinan surat kelulusan dari JAKIM bagi Al-Qur'an terjemahan dan tafsir.
- f. Salinan surat pelantikan Panel Perunding Al-Qur'an.
- g. Laporan semakan dan Borang Perakuan Semakan Pruf oleh Panel Perunding Al-Qur'an (Borang B1).

https://www.moha.gov.my/images/borang/PKK/BorangB1_Perakuan_Panel-Perunding.pdf

Serahan dokumen asal seperti berikut:

- a. Slip permohonan.
- b. Pruf akhir/Salinan asal:
 - i. Mushaf Al-Qur'an – 2 salinan Pruf Akhir
 - ii. Audio/video digital – 5 salinan Pruf Akhir
 - iii. Aplikasi Al-Qur'an – 5 salinan Pruf Akhir

Kategori bayaran adalah seperti berikut:

- a. Menyertakan bayaran dalam bentuk **wang pos atau bank draf** atas nama "**Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri**".

BIL.	KATEGORI	KADAR BAYARAN
1.	Teks Al-Qur'an (30 Juzu'). <ul style="list-style-type: none"> - Mushaf, digital, aplikasi - Perjuzu' / perjilid - Al-Quran Terjemahan / Tafsir 	
2.	Audio bacaan Qari Al-Qur'an (30 Juzu'). <ul style="list-style-type: none"> - Bacaan Setiap Qari - Himpunan bacaan Qari Al-Qur'an 	RM 1500
3.	Himpunan Surah-surah yang mengandungi satu juzu' atau lebih.	
4.	Bahan Asas Pembelajaran Al-Qur'an dan Fardu 'Ain.	

b. Permohonan bayaran hendaklah dikemukakan kepada:

Unit Kewangan
Seksyen Khidmat Pengurusan
Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawalan
Kementerian Dalam Negeri

c. Mengemukakan resit bayaran kepada:

Seksyen Regulatori Al-Qur'an / Hadith
Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawalan
Kementerian Dalam Negeri

6. KEPUTUSAN PERMOHONAN PERAKUAN BETUL PRUF AKHIR TEKS AL-QUR'AN.

Keputusan Permohonan Perakuan Betul Pruf Akhir Teks Al-Qur'an akan dikeluarkan dalam tempoh 7 hari dari tarikh Mesyuarat Lembaga Pengawalan dan Perlesenan Pencetakan Al-Qur'an (LPPPQ).

7. PEMBETULAN PRUF AKHIR TEKS AL-QUR'AN YANG LULUS DENGAN PEMBETULAN (LDP).

- a) Sebarang pembetulan yang diarahkan oleh Lembaga hendaklah dibuat dan dikembalikan semula dalam tempoh 2 (dua) bulan dari Tarikh keputusan Lembaga bersama dengan Laporan Semakan Pembetulan dan Borang Perakuan Penyemakan Pembetulan (Borang B2) oleh Panel Perunding Al-Qur'an.
- b) Kegagalan membuat pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan keputusan dan permohonan terbatal.
- c) Pruf akhir pembetulan yang dikemukakan hendaklah dihantar dalam satu mushaf lengkap.

8. KELULUSAN DAN PERCETAKAN.

- a) Perakuan Betul Pruf Akhir perlu dicetak dalam tempoh dua (2) tahun. Sekiranya cetakan pertama tidak dibuat dalam tempoh tersebut dan tiada rayuan dikemukakan, perakuan betul pruf akhir teks Al-Qur'an boleh dibatalkan.
- b) Al-Qur'an yang telah mendapat Perakuan Betul Pruf Akhir hendaklah diserahkan 1 (satu) salinan kepada Lembaga dengan segera.
- c) Satu salinan Al-Qur'an yang telah mendapat Perakuan Betul Pruf Akhir hendaklah disimpan oleh syarikat.
- d) Setiap kali cetakan ulangan hendaklah dinyatakan bilangan cetakan dan tahun terbitan.
- e) Syarikat adalah bertanggungjawab terhadap kesilapan cetakan Al-Qur'an dan aduan awam.
- f) Syarikat hendaklah memastikan naskah dan teks Al-Qur'an yang dicetak tepat sebagaimana yang telah diperakui oleh Lembaga. Sebarang pindaan tidak dibenarkan tanpa kebenaran Lembaga.

9. MAKLUMAT YANG PERLU DIPAPARKAN PADA TEKS AL-QUR'AN YANG DICETAK (SEKSYEN 8, APTQ 1986).

Setiap teks Al-Qur'an yang dicetak atau diterbitkan di Malaysia atau diimport ke dalam Malaysia hendaklah menunjukkan dengan ketara dan jelas pada helai bercetak yang pertama atau yang akhir teks itu, atau dalam hal sesuatu teks rakaman, pada suatu bahagian mudah dilihat. Maklumat-maklumat tersebut ialah:

- a) Nama dan alamat pencetak dan penerbitnya, atau dalam hal teks rakaman, orang yang bertanggungjawab bagi pembuatan rakaman itu dan bagi penerbitan teks rakaman itu.
- b) Dalam hal sesuatu teks Al-Qur'an yang diimport, nama dan alamat pengimportnya.
- c) Alamat tempat ia dicetak, dirakamkan atau diterbitkan.
- d) Suatu pernyataan yang bermaksud bahawa Ayat-ayat Al-Qur'an yang terkandung di dalam teks itu telah diperakui betul oleh Lembaga menurut seksyen 6 atau 7.
- e) Nombor rujukan perakuan yang relevan. (cop perakuan Lembaga dan pelekat hologram Al-Qur'an).

10. TANGGUNGJAWAB PANEL PERUNDING AL-QUR'AN YANG DILANTIK OLEH PENERBIT, PENCETAK DAN PENGIMPORT.

Setiap pruf akhir hendaklah disemak oleh 2 orang Panel Perunding Al-Qur'an yang dilantik dan bertanggungjawab:

- a) Menyemak dan memperakukan betul Pruf Akhir Teks Al-Qur'an sebelum dihantar kepada Kementerian Dalam Negeri bersama laporan semakan teks Al-Quran dan Borang B1.
- b) Menyemak pembetulan yang dibuat dan memastikan ianya adalah mengikut sebagaimana diarahkan oleh Lembaga bersama laporan pembetulan dan Borang B2.
- c) Menyemak dan memastikan teks Al-Qur'an yang siap dicetak menepati pruf akhir sebagaimana diluluskan Lembaga dan tidak mengandungi kesilapan cetakan.

11. PENGIMPORTAN AL-QUR'AN (SEKSYEN 7, APTQ 1986).

- a) Pengimport hendaklah mengemukakan permohonan Perakuan Betul Pruf Akhir Teks Al-Qur'an terlebih dahulu dan mengisi Borang Akuan Berkanun (Borang D).
- b) Borang Permohonan Pengimportan (Borang D1) perlu diisi bagi **setiap kemasukan pengimportan** Al-Qur'an yang telah diluluskan.

CARTA ALIR

PROSES PERMOHONAN PERAKUAN BETUL PRUF AKHIR TEKS AL-QUR'AN

TANGGUNGJAWAB/ TINDAKAN

PROSES KERJA

